

Rahim: PM akan umum nasibnya di MT Sabtu ini

KUALA LUMPUR, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dijangka akan mengumumkan kedudukan Menteri Besar Pahang, Haji Abdul Rahim Abu Bakar dalam sidang Majlis Tertinggi UMNO di sini Sabtu ini.

Sumber-sumber politik berkata Perdana Menteri dijangka menghuraikan secara terperinci keputusan yang diambilnya kepada ahli-ahli Majlis Tertinggi di mesyuarat tersebut.

Adalah dipercayai Perdana Menteri yang juga Presiden UMNO akan mengumumkan soal Haji Rahim meletakkan jawatan memang tidak boleh dipertikaikan lagi tetapi masalahnya sekarang ialah masa yang sesuai bagi pengumuman dibuat.

Mereka berpendapat masa yang sesuai untuk mengumumkan keputusan itu adalah selepas sidang Majlis

Tertinggi memandangkan Perdana Menteri telahpun menyampaikan keputusannya mengenai isu Haji Rahim kepada ahli-ahli UMNO Bahagian Kuantan dan Haji Rahim sendiri minggu lalu.

Perdana Menteri pernah dilaporkan sebagai berkata akan membuat pengumuman mengenai soal tersebut minggu ini.

Sumber-sumber itu berkata sebaik sahaja pengumuman dibuat Haji Rahim akan berlepas ke Amerika Syarikat melanjutkan pelajaran.

Sementara itu, Setiausaha Agung UMNO, Datuk Mustafa Jabar ketika dihubungi enggan mengulas tentang kemungkinan isu itu diputuskan dalam sidang Majlis Tertinggi, tetapi sekadar mengatakan tidak ada agenda khusus mengenai perkara yang akan dibincangkan.

Beliau menjelaskan mesyuarat tersebut adalah biasa sahaja yang dipanggil oleh Presiden Parti yang mahukan supaya Majlis Tertinggi bersidang pada hari Sabtu minggu pertama setiap bulan.

Menurut Datuk Mustafa, sejak Datuk Seri Dr. Mahathir mengambil alih teraju pimpinan parti, beliau mahukan Majlis Tertinggi bersidang lebih kerap supaya jentera parti dapat dibincangkan setiap bulan.

Katanya, Perdana Menteri percaya menerusi sidang Majlis Tertinggi, pucuk pimpinan dapat mengikuti perkembangan politik dan membincangkannya secara mendalam.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia